

Isu tarif boleh diselesai melalui rundingan berterusan

Johannesburg: Isu tarif dengan Amerika Syarikat (AS), berdasarkan pengalaman Malaysia, boleh diselesaikan melalui perbincangan berterusan.

Sebagai sebahagian daripada strategi Malaysia dalam mempelbagai ekonomi dan hubungan perdagangan, termasuk memperkukuh hubungan dengan AS dan China, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau menjemput Presiden Afrika Selatan, Matamela Cyril Ramaphosa dan Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva sebagai tetamu pada Sidang Kemuncak ASEAN pada Oktober lalu.

“Dan juga rakan baik anda, Presiden Donald Trump serta perbincangan menjana hasil,” kata beliau berseloroh pada Forum Perniagaan bersama Pengerusi Industri Afrika Selatan di sini, menarik perhatian peserta kerana Afrika Selatan antara negara yang dikenakan tarif tinggi oleh Washington.

Sebanyak 200 syarikat menyertai forum itu di sini semalam. AS mengenakan tarif unilateral sebanyak 30 peratus ke atas kebanyakan barang Afrika Selatan yang berkuat kuasa pada 7 Ogos 2025.

Anwar yang berada di sini un-

tuk Sidang Kemuncak Pemimpin G20 sebagai tetamu berkata: “Saya telah membuatkan beliau (Trump) menari dan rehat seketika serta menyelesaikan masalah (untuk Malaysia)”.

Tarif timbal balas untuk Malaysia dikurangkan kepada 19 peratus daripada 24 peratus sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuan dua hala beliau dengan Ramaphosa, beliau berkongsi pandangannya bahawa isu tarif boleh diselesaikan.

“Saya menjelaskan kepada Presiden Ramaphosa mereka perlu terus berbincang. Saya

memberitahu Presiden supaya jangan bimbang. Saya memberitahu beliau, jemput beliau (Trump) datang ke sini seperti yang saya lakukan, buat beliau menari dan rehat. Dan selesaikan isu itu,” kata beliau.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, akhirnya ia bergantung pada perdagangan, yang sama penting bagi AS dan Malaysia serta Afrika Selatan.

“Saya percaya ini boleh diselesaikan. Begitulah cara saya mengatasinya. Saya seorang yang optimis,” kata beliau sambil menambah apa yang penting ialah keperluan untuk kekal fo-

kus dan jelas dari segi dasar ekonomi serta melaksanakannya dengan cekap.

AS yang juga Pengerusi G20 seterusnya mengubah pendirian sebelum ini untuk tidak menghadiri sidang kemuncak itu.

Anggota G20 ialah Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Korea Selatan, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Turkiye, United Kingdom, AS, Kesatuan Afrika dan Kesatuan Eropah.

G20 pada tahun ini yang pertama di benua Afrika.

BERNAMA